

U B073 DEB  
 EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS 10.30 MALAMINI: 28 NOV.

MAHATHIR - KONTRAKTOR 1984

KUALA LUMPUR, 28 NOV. (BERNAMA)--PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN MALAMINIBAHAWA DASAR PANDANG KE TIMUR ANJURAN KERAJAAN BUKAN BERTUJUAN UNTUK MEMBERIKAN KONTREK KEPADA PARAKONTRAKTOR DARIPADA JEPUN ATAU KOREA.

TEGASNYA, KERAJAAN TIDAK MEMPUNYAI DASAR UNTUK MENYEBELAHI KONTRAKTOR DARI KEDUA-DUA BUAH NEGARA TERSEBUT.

BAGAIMANAPUN JIKA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR JEPUN DAN KOREA MENDAPAT SESEBUAH KONTRAK IA ADALAH KERANA TAWARAN HARGA MEREKA LEBIH RENDAH, JELAS BELIAU.

+KERAJAAN TETAP AKAN MEMBERI LAYANAN YANG LEBIH KEPADA KONTRAKTOR TEMPATAN TERUTAMANYA BUMIPUTRA JIKA KOS, MUTU KERJADAN KECEKAPAN MEREKA HAMPIR SAMA DENGAN KONTRAKTOR ASING, + TEGASNYA.

INI ADALAH KERANA KERAJAAN TIDAK SUKA MELIHAT PENGALIRAN KELUAR TUKARAN WANG KE LUAR NEGERI, KATANYA DIMAJLIS MAKAN MALAM SEMENA ULANGTAHUN KE-30 PERSATUAN PEMBORONG-PEMBORONG BINAAN MALAYSIA DI SINI.

PERDANA MENTERI MENSYORKAN KONTRAKTOR-KONTRAKTOR TEMPATAN MENGGABUNGKANDIRI SUPAYA MEREKA BERUPAYA PERSAING DENGAN KONTRAKTOR ASING.

BELIAU MENGESA PARA KONTRAKTOR TEMPATAN SUPAYA JANGAN HANYA MELIHAT ASPEK NEGATIF AKIBAT PEMBANGUNAN KONTRAKTOR DARIPADA TIMUR KERANA IA TELAH MENDATANGKAN PERKEMPANGAN YANG BAIK KEPADA INDUSTRI PEMBINAAN DAN EKONOMI NEGARA.

KATANYA, SEDIKIT DEMI SEDIKIT PROJEK-PROJEK TELAH BERJAYA DIREBUT OLEH KONTRAKTOR TEMPATAN MALAH USAHASAMA, SUBKONTRAK, PEKERJA TERLATIH SEMUANYA TELAH BERTAMBAH.

+BUKAN MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MEMPIAYAI ORANG ASING. MALAH KERAJAAN SANGGUP RUGI SEDIKIT ASALKAN RAKYATNYA SENDIRI MENDAPAT NIKMAT, + TEGASNYA.

TETAPI SUNGGUHPUN BEGITU MEREKA JANGANLAH LEKAS MENYALAHKAN KERAJAAN SEBELUM MEMERIKSA DENGAN TELITI SESUATU PERKARA ITU DAN MENGAJAI PERANAN DIRI MEREKA SENDIRI.

JIKA KONTRAKTOR TEMPATAN DAPAT MENYERAP SISTEM BINAAN DAN PENGURUSAN YANG BAIK SERTA DAPAT PULA MENDIRIKAN SYARIKAT-SYARIKAT PEMBINAAN YANG LEBIH BESAR DAN CUKUPLengkap, BELIAU YAKIN SATU HARI KELAK KONTRAKTOR DARIPADA NEGARA INI AKAN DAPAT BERSAING DAN MEMENANGI KONTRAK-KONTRAK ANTARABANGSA.

PERDANA MENTERI MAHU KONTRAKTOR TEMPATAN TERMASUK BUMIPUTRA SEDAR BAHAWA MEREKA KINI SUDAH MULA MENDAPAT KONTRAK BERBANDING DENGAN MASA YANG LALU.

BELIAU JUGA MAHU MEREKA MENGAJAI BAGAIMANA MEREKA SEKARANG SANGGUP Mencari SISTEM BARU DAN MENURUNKAN KOS DAN BAGAIMANA KONTRAKTOR BUMIPUTRA TELAH MULA MENERIMA PELUANG-PELUANG KERJADAN LATIHAN.

DATUKSERI DR. MAHATHIR BERTANYA, + APAKAH BENARTIDAK ADA  
SEDIKIT P'JN KEBAIKAN YANG TELAHBERLAKUAKIBAT PENYERTAAN KONTRAKTOR  
DARI TIMUR WALAUPUN BUKANKERANADASARKERAJAAN?+

JIKADIPANDANG SEPINTAC LALUPERKEMBANGAN DALAM BIDANGPEMBINAAN  
INIMUNGKINMERUGIKANKONTRAKTOR TEMPATAN. PAGAIMANAPUN IA HANYALAH  
SUATU PERKEMEANGAN SEMENTARA, TEGASNYA.

BELIAU GEMBIRA BAHAWABEBERAPAKONTRAKTOR TEMPATAN TELAH DAPAT  
MENURUNKANKOS DAN MENGGUNAKANTEKNIKBARU SERTA BEKERJALEBIH CEPAT  
SEHINGGAKAN MEREKA SEKARANGLEBIH MEMBERI PERSAINGAN DAN TELAH  
MEMENANGI BEBERAPA KONTRAK BESAR. --LAGI

2144MST 28 11 54  
0157

U BOBO DEB  
MAHATHIR - KONTRAKTOR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO) (AKHIR)

PERDANA MENTERI MAHU KERJASAMA DI KALANGAN KONTRAKTOR BUMIPUTRA  
DENGAN KONTRAKTOR BUKAN BUMIPUTRA DITINGKATKAN DALAM USAHA  
MENENTUKAN KEJAYAAN DAN KEMAJUAN BIDANG PEMBINAAN.

KATANYA, MEMANG BENAR SESEORANG KONTRAKTOR YANG MEMENTINGKAN  
DIRI SENDIRI AKAN MENDAPAT KEUNTUNGAN TETAPI IA HANYA UNTUK JANGKA  
PENDEK SAHAJA.

+SEKIRANYA IA DITERUSKAN, AKIBATNYA IALAH KERUGIAN KEPADA SEMUA  
PIHAK DALAM JANGKA MASA PANJANG, + TAMBAH BELIAU:

BELIAU MAHU KONTRAKTOR BUMIPUTRA MEMAINKAN PERANAN AKTIF DAN  
BERMAKNA DALAM SEMUA PROJEK USAHASAMA DAN TIDAK HANYA SETAKAT  
MENJADI CONTACT MAN.

DATUKSERI DR. MAHATHIR JUGA MENGGESA PARA KONTRAKTOR YANG  
MENJALANKAN USAHA SENDIRI SUPAYA JANGAN MENYERAHKAN SEMUA KERJA  
KEPADA SUBKONTRAKTOR SEHINGGA TIDAK LANGSUNG PERGI UNTUK MELIHAT  
TEMPAT PEMPINAAN KERANA PERBUATAN SEUMPAMA ITU TIDAK AKAN  
MENINGKATKAN KECEKAPAN.

BELIAU JUGA MAHUKAN PARA ANGGOTA PERSATUAN ITU SUPAYA  
MENJALANKAN SETIAP USAHA DENGAN PENUH TANGGUNGJAWAB, JUJUR,  
BERAMANAH DAN BERDISIPLIN KERANA PENYELEWENGAN HANYA AKAN MENYEBABKAN  
PARA PELANGGAN HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP MEREKA. --BERNAMA  
2146MST 28 11 84